

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 7 APRIL 2015

RUJUKAN : 7618

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan IPD Keningau yang terletak di tengah-tengah Bandar Keningau semakin sempit, adakah cadangan untuk memindahkannya ke kawasan lain yang lebih luas dan selesa, sementara IPD lama boleh dijadikan Balai Polis Sentral untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat sekitar Bandar Keningau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ibu Pejabat Daerah (IPD) Keningau dicadangkan di atas tapak seluas 20 ekar (pada masa ini tapak tersebut sedang digunakan sebagai Kompleks Perumahan IPD dan tapak IPD baru adalah di kawasan kosong bersebelahan kompleks perumahan), manakala tapak IPD lama akan dikekalkan sebagai Balai Polis Keningau.